

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PELESENAN PERKHIDMATAN SAMPINGAN PELABUHAN (KHUSUS)

1. BUNKERING DAN PENGANGKUTAN BAHAN-BAHAN PETROLIUM SELAIN DARI BAHAN BAKAR

- (i) Pengusaha dikehendaki mematuhi Prosedur Bunkering yang digunapakai, Merchant Shipping Ordinance 1952, Petroleum Development Act 1974 dan Petroleum Safety Measures Act 1984 & Petroleum (Safety Measures) (Transportation of Petroleum By Water), Regulation 1985.
- (ii) Pengusahaan diwajibkan mempunyai Permit PDA 2 untuk perkhidmatan bunkering dan Permit PDA 3 untuk Pengangkutan Barang-Barang Petroleum selain dari bahan bakar.
- (iii) Pembekalan bunker dari lori tangki ke kapal adalah dilarang kecuali ke kapal bunker dan tongkang/baj yang membawa bunker.
- (iv) Pembekalan bunker dari lori tangki ke kapal bunker dan tongkang yang membawa bunker hanya boleh dilakukan di dermaga-dermaga Pelabuhan Utara, Southpoint dan Westports sahaja.
- (v) Kapal bunker boleh memperolehi bunker dari mana-mana kemudahan yang diluluskan atau di “*designated anchorages*” melalui STS di dalam kawasan had pelabuhan atau dari sumber-sumber di luar kawasan had pelabuhan.
- (vi) Lori-lori tangki hendaklah mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan dan pengendali terminal serta hendaklah menyediakan perlindungan insuran yang mencukupi untuk pembersihan pencemaran dan kerosakan kepada hartabenda pihak ketiga.
- (vii) Kapal bunker hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-
 - (a) Mengambil perlindungan insurans/P&I untuk kerosakan disebabkan pencemaran dan kos pembersihan, ‘*salvage*’ dan kerosakan yang dialami oleh pihak ketiga sebanyak RM5 juta.
 - (b) Mempunyai Lesen Perkapalan Domestik (*Domestic Shipping Licence*)
 - (c) Kapal-kapal bunker perlu diperiksa oleh pihak Lembaga Pelabuhan Kelang sebelum memulakan perkhidmatan dan seterusnya setiap tahun.
 - (d) Mempunyai ‘*Standard Operating Procedure*’ untuk Bunkering.
 - (e) Mempunyai ‘*Shipboard Oil Pollution Prevention Plan*’.
 - (f) Sijil-sijil perniagaan mandatori (*Mandatory trading certificates*).

2. PENGUKURAN KARGO (CARGO SURVEY) (KUALITI DAN KUANTITI TERMASUK DRAF SURVEY)

- (i) Pengusaha hendaklah membenarkan pegawai Lembaga Pelabuhan Kelang menjalankan pemeriksaan secara rawak ke atas kemampuan seseorang juruukur dalam melaksanakan tugasnya.
- (ii) Pengusaha dikehendaki mematuhi arahan-arahan sekuriti dan keselamatan terminal (*safety and security*).

3. KEMUDAHAN PENERIMAAN SISA BUANGAN DARI KAPAL (UNTUK SISA YANG DIKATEGORIKAN DI BAWAH KONVENSYEN MARPOL)

- (i) Lori-Lori tangki dan kapal-kapal yang menerima sisa buangan perlu dilesenkan atau diperakukan oleh Jabatan Alam Sekitar
- (ii) Lori-lori tangki hendaklah mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan dan pengendali terminal serta hendaklah menyediakan perlindungan insuran yang mencukupi untuk pembersihan pencemaran dan kerosakan kepada hartabenda pihak ketiga.
- (iii) Kapal-kapal yang menerima sisa buangan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-
 - (a) Mengambil perlindungan insurans/P&I untuk kerosakan disebabkan pencemaran dan kos pembersihan, '*salvage*' dan kerosakan yang dialami oleh pihak ketiga sebanyak RM5 juta.
 - (b) Mempunyai Lesen Perkapalan Domestik (*Domestic Shipping Licence*)
 - (c) Kapal-Kapal perlu diperiksa oleh pihak Lembaga Pelabuhan Kelang sebelum memulakan perkhidmatan dan seterusnya setiap tahun.
 - (d) Mempunyai '*Standard Operating Procedure*' untuk pemindahan sisa buangan.
 - (e) Mempunyai '*Shipboard Oil Pollution Prevention Plan*'
 - (f) Sijil-sijil perniagaan mandatori (*Mandatory trading certificates*).
 - (g) Tempat pendaratan dan pemindahan sisa buangan dihadkan kepada Pelabuhan Utara (Northport), Pelabuhan Selatan (Southport) dan Pelabuhan Barat (Westport) sahaja.

**4. PEMBERSIHAN TUMPAHAN DAGANGAN BERBAHAYA
(EMERGENCY RESPONSE FOR SPILLAGE / LEAKAGE OF DANGEROUS GOODS)**

- (i) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kualiti Alam atau syarikat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar
- (ii) Syarikat dikehendaki mematuhi Akta dan Peraturan Jabatan Alam Sekitar.
- (iii) Syarikat dikehendaki mematuhi aspek latihan dan kehendak pensijilan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994.
- (iv) Syarikat dikehendaki mematuhi Undang-Undang Kecil Dagangan Berbahaya LPK.
- (v) Mematuhi semua notis dan kod amalan keselamatan yang diterimapakai atau dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (vi) Syarikat dikehendaki menyediakan ‘*Standard Operating Procedure*’ untuk mengendalikan kontena atau bekas penyimpanan dagangan berbahaya yang mengalami kerosakan di dalam kawasan pelabuhan.
- (vii) Syarikat dikehendaki mengambil perlindungan insuran dan perubatan untuk pengendali-pengendali dagangan berbahaya dan juga mengambil insuran tanggungan awam (*public liability*).
- (viii) Syarikat dikehendaki melantik Penasihat Keselamatan yang berdaftar dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (**NIOSH**) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- (ix) Petugas hendaklah dilengkapi dengan peralatan perlindungan diri (*personal protective equipment*)
- (x) Syarikat dikehendaki menggunakan jentera-jentera tertentu seperti forklift (menggunakan kuasa bateri atau gas) semasa beroperasi.
- (xi) Syarikat dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan seperti pengesan gas dan peralatan bantuan kecemasan (*emergency first aid*) seperti pancuran mudahalih dan “*eyewash*” mudahalih.

**5. BEKALAN AIR MENTAH (FRESH WATER)
(Dengan Menggunakan Baj/Tongkang)**

- (i) Kapal-kapal perlu mematuhi Merchant Shipping Ordinance 1952 dan kehendak-kehendak pihak berkuasa kesihatan.
- (ii) Syarikat dikehendaki mengisytiharkan sumber air yang digunakan untuk bekalan ke kapal-kapal.

- (iii) Kapal-Kapal perlu diperiksa oleh pihak Lembaga Pelabuhan Kelang sebelum memulakan perkhidmatan dan seterusnya setiap tahun.
- (iv) Barge/Vessel/ dilesenkan/didaftarkan oleh Jabatan Laut
- (v) Road Tanker/lori diperajui oleh JPJ/Puspakom
- (vi) Hanya bekalan air yang diambil dari terminal Northport dan Westports dibenarkan.

6. PEWASAPAN KONTENA (FUMIGATION)

- (i) Salinan surat pendaftaran dengan Malaysia Fumigation Accreditation Scheme (MAFAS)

7. PERKHIDMATAN DIVING

- (i) Mengemukakan permohonan berserta jenis kerja yang ingin dijalankan (peralatan diisytiharkan)
- (ii) Mempunyai lesen yang sah (sijil “commercial diver”/”open water diver”)
- (iii) Surat sokongan daripada agensi/ syarikat lain yang menggunakan perkhidmatan mereka
- (iv) Penyelam perlu menyertakan laporan perubatan setiap 6 bulan
- (v) Mempunyai “Safe diving Practice” dan “Safe Work Procedure”
- (vi) Mengemukakan carta aliran kerja penyelaman